

PENGURUSAN SOLAT BAGI WANITA ḤAYḌ DALAM MADHHAB SHĀFI'Ī: PERBAHASAN TUNAI DAN QAḌĀ'

THE MANAGEMENT OF PRAYER FOR MENSTRUATING WOMEN IN THE SHAFI'I MADHHAB: DISCUSSION OF IMMEDIATE (TUNAI) AND DEFERRED (QAḌĀ')

Wan Fakhitah binti Wan Muhammad¹
Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman²
Mohammad Faizul bin Abdan³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia, (Email: fakhitah.phd.uitm@gmail.com)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia, (Email: asyransafwan@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, 72000 Parit Tinggi, Negeri Sembilan, Malaysia, (Email: faizul.uitmkip@gmail.com)

Article history

Received date : 15-3-2023

Revised date : 20-3-2023

Accepted date : 1-7-2023

Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Wan Muhammad, W. F., Kamaruzaman, M. A. S., & Abdan, M. F. (2023). Pengurusan Solat Bagi Wanita ḤayḌ dalam Madhhab Shāfi'ī: Perbahasan Tunai dan QaḌā'. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 310 - 321.

Abstrak: Kewajipan solat ke atas wanita kekal dan tidak gugur selagi mana tidak ada perkara yang menghalangnya melaksanakan solat seperti kedatangan ḥayḌ atau nifās. ḤayḌ merupakan fitrah yang Allah taala ciptakan ke atas perempuan dan ia adalah salah satu daripada tanda bahawa wanita itu baligh serta kewajipan seperti solat bermula ke atasnya. Hukum asal bagi wanita yang kedatangan ḥayḌ tidak wajib melaksanakan solat kerana ḥayḌ adalah Māni' (penghalang) bagi kewajipan solat. Solat yang ditinggalkan ketika waktu ḥayḌ tidak perlu digantikan apabila wanita itu suci. Adapun bagi solat yang belum sempat wanita tunaikan sedangkan dia didatangi dalam tempoh waktu solat fardhu maka wajib untuk dia qaḌā' solat tersebut setelah mana suci daripada ḥayḌ. Manakala apabila ḥayḌ berhenti pada tempoh waktu solat, ia diperincikan oleh ulama adakah solat tersebut perlu digantikan dan bagaimana pula status solat fardhu yang sebelumnya juga turut dibahaskan oleh ulama. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui pengurusan solat, sama ada solat tersebut dilaksanakan secara tunai atau qaḌā' bagi wanita ḥayḌ. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif dan kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada penulisan para sarjana silam dan kontemporari dalam Madhhab Shāfi'ī, artikel, jurnal, fatwa dan berita. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan solat bagi wanita ḥayḌ sama ada solat tersebut perlu dilaksanakan secara tunai atau qaḌā' perlu diberi kefahaman dan diambil cakna kerana isu ini tidak diketengahkan dan wanita tidak mengetahui hukum solat yang perlu diqaḌā' berdasarkan Madhhab Shāfi'ī. Kajian ini penting bagi memberi sumbangan pemikiran untuk pengembangan ilmu pengetahuan dalam bidang Fiqh Wanita di Malaysia.

Kata kunci: ḤayḌ, Tunai, QaḌā', Māni', Madhhab Shāfi'ī

Abstract: *The obligation of prayer upon women remains steadfast and unaltered, as long as there are no hindrances preventing them from performing prayers, such as the occurrence of ḥayḍ (menstruation) or nifās (postpartum bleeding). Ḥayḍ is a natural state that Allah has created for women, and it is one of the signs that a woman has reached the age of maturity and the obligation of prayers begins for her. The default ruling for a woman experiencing ḥayḍ is that she is not obligated to perform prayers, as ḥayḍ acts as a barrier (Māni‘) to the obligation of prayers. Prayers missed during the time of ḥayḍ do not need to be made up once a woman becomes pure again. However, in the case of prayers that a woman has not been able to perform due to ḥayḍ, but which fall within the time of obligatory prayers, it becomes necessary for her to make up (qaḍā’) those missed prayers once she is pure from ḥayḍ. When ḥayḍ ceases during the time of a prayer, scholars have detailed whether that prayer needs to be made up and what the status of previously missed obligatory prayers is. Therefore, the objective of this study is to understand the management of prayers for women during ḥayḍ, whether those prayers should be performed immediately or made up later (qaḍā’). The methodology used in this study is qualitative, relying on library research involving writings of both classical and contemporary scholars in the Shafi’i school, articles, journals, fatwas, and news. The study’s findings emphasize the need for a clear understanding of how prayers should be managed for women experiencing ḥayḍ, whether they should be performed immediately or through qaḍā’, as this issue has not been widely addressed, and many women are unaware of the rules concerning prayers that need to be made up according to the Shafi’i Madhhab. This research holds significance in contributing to the development of knowledge in the field of Women’s Jurisprudence (Fiqh Wanita) in Malaysia.*

Keywords: *Ḥayḍ, Immediate, Qaḍā’, Barrier, Shafi’i Madhhab*

Pengenalan

Solat ialah kewajipan yang difardhukan ke atas umat Islam berdasarkan kepada dalil-dalil daripad al-Quran, hadis dan juga ijmak. Kefardhuan ini hendaklah dilaksanakan dalam waktu-waktu tertentu sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran, firman Allah (al-Nisā’:103):

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُوتًا

Maksudnya: “Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman yang telah ditentukan waktu-waktunya”.

Berpandukan kepada ayat di atas, para sarjana fiqh mengambil dalil tentang kewajipan solat lima waktu. Perintah kewajipan solat ini turut dinyatakan di dalam al-Quran, firman Allah (al-Baqarah: 43):

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya: “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk”.

Manakala dalam hadis Nabi Ṣallallāh ‘alayh wasallam daripada ‘Abd Allāh ibn ‘Umar Raḍiyallāhu ‘anhumā bahawa baginda bersabda:

بُني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله، وأنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وإِقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، وحجَّ البيت، وصوم رمضان¹

Maksudnya: “Dibina Islam atas lima perkara; penyaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad ﷺ ‘alayh wasallam itu utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa di bulan Ramaḍān”

Solat merupakan amalan pertama yang akan dihisab di Hari Kiamat. Setiap hamba seharusnya menitikberatkan ibadah ini dan tidak meninggalkannya. Mereka yang melaksanakan solat seperti mana yang dituntut oleh syarak akan mendapat keberutungan dan keredhaan Allah di akhirat. Manakala yang tidak mengerjakan solat berhak mendapat ancaman di hari pembalasan. Solat merupakan salah satu daripada ibadah yang wajib dilaksanakan secara tunai. Apabila seseorang hamba menunaikan solat di dalam waktunya maka menurut para ulama ia digelar sebagai solat tunai dan apabila melaksanakannya di luar waktu maka ia adaah solat qaḍā’.

Justeru, penulisan ini dibuat bagi memperkasakan ilmu pengetahuan dalam bidang fiqh wanita berkaitan pengurusan solat bagi wanita yang kedatangan ḥayḍ dalam waktu solat fardhu atau luar waktu solat fardhu. Juga untuk mengetahui panduan solat setelah darah tersebut berhenti dalam waktu atau luar solat fardhu. Hal ini berikutan ketidaksampaian ilmu pengetahuan ini dan sedikit pihak yang menampilkan kepada masyarakat khususnya kepada wanita tentang isu qaḍā’ solat bagi mereka setelah suci daripada ḥayḍ atau ketika kedatangan ḥayḍ dalam waktu fardhu tertentu. Kajian ini akan memberikan penerangan yang jitu dan padat serta ringkas tentang konsep qaḍā’ dan tunai bagi ibadah solat. Juga solat yang perlu dilaksanakan sama ada secara qaḍā’ atau tunai serta perb incangan hukum status solat tersebut. Keterangan berkaitan hukum dalam penulisan ini adalah berdasarkan kepada Madhhab Shāfi‘ī yang merupakan panduan dan pegangan bagi umat Islam di Malaysia dalam pelaksanaan sesebuah ibadah.

Sorotan Literatur

Konsep Ada’ (tunai) dan Qada’ Solat Dalam Islam

Definisi Adā’ (tunai)

Adā’ dari segi etimologi menurut al-Fayyūmī (2010) dan Ibn Manzūr (1999) adalah الإيصال iaitu menyampaikan dan melaksanakan amanah kepada ahli keluarga. Definisi yang sama disebut oleh pengarang *al-Muhīt* (Majdī al-dīn 1978) iaitu أداء تأدية أوصله وفضاه menyampaikan dan melaksanakan. Adapun dalam *Mu‘jam Lughat al-Fuqahā’* (Rawwās 1985) adalah اتيان عين الواجب في الوقت المحدد iaitu melaksanakan sesuatu perkara kewajipan dalam waktu yang ditentukan. Manakala dari sudut istilah adalah melaksanakan ibadah dalam waktunya yang tertentu mengikut syarak. Ulama mengambil takrifan ini berdasarkan kepada hadis Nabi ﷺ ‘alayh wasallam bersabda:

¹ al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘il. t.t. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Imān. Hadis nombor 8.

مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ، فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ، وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ، فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ²

Maksudnya: “Barangsiapa sempat satu rakaat daripada solat Subuh sebelum terbit matahari maka solat tersebut adalah tunai begitu juga apabila seseorang sempat satu rakaat daripada Asar sebelum matahari terbenam maka dia telah memperolehi solat Asar secara tunai”.

Justeru, dapat diketahui bahawasanya jika seseorang tidak sempat mendapatkan satu rakaat daripada solat fardhu maka solat tersebut adalah solat qadā’ (al-Hafnāwī t.t.). Oleh itu, sebahagian ibadah fardhu seperti solat lima waktu jika seseorang hamba melaksanakannya dalam waktunya maka ia adalah solat tunai. Sepertimana ibadah puasa yang dilaksanakan di bulan Ramaḍān maka dia telah menunaikan ibadah tersebut dalam waktu yang telah ditetapkan. Ketika seseorang sempat melaksanakan satu rakaat solat sebelum habis waktu maka dia mendapatkan solatnya tersebut hal ini berdasarkan sabda Nabi Ṣallallāh ‘alayh wasallam yang telah disebut (Abū Mālik 2007).

Qadā’ dari sudut bahasa adalah menyampaikan dan melaksanakan (Fairūz al-Abādi 1978). Al-Fayyūmī mengatakan bahawa qadā’ ini bagi sesuatu ibadah yang dilaksanakan diluar waktu yang telah ditentukan syarak (al-Fayyūmī 2010). Selain itu, menurut Rawwās qadā’ juga seumpama wajib selepas daripada waktunya untuk mendapatkan apa yang telah berlalu sebagai contoh qadā’ solat (Rawwās 1985). Manakala qadā’ dari sudut istilah adalah mengerjakan ibadah di luar waktunya yang telah ditentukan oleh syarak. Menurut Mustafā al-Khin qadā’ adalah melakukan sesuatu ibadah yang ditentukan dalam waktunya atau mengerjakan ibadah setelah keluar waktunya seperti mengerjakan solat setelah keluar waktunya kerana terdapat keuzuran-keuzuran tertentu (Mustafā al-Khin 1996).

Setengah fuqahā’ berpendapat bahawa ‘qadā’ diharuskan apabila seseorang tidak berpeluang untuk mengerjakan sekurang-kurangnya satu rakaat atau lebih di dalam satu-satu waktu solat. Menurut beliau lagi, berdasarkan kepada Madhhab Shāfi‘ī barangsiapa yang telah pun solat dengan keadaan setengah waktu dalam waktu solat dan setengah lagi di luar waktu solat maka jika solat yang dilaksanakan itu sempat satu rakaat maka solat tersebut adalah solat tunai jika tidak maka ia adalah solat qadā’. Melaksanakan solat di luar waktunya atau waktu yang tinggal tidak dapat melaksanakan satu rakaat solat atau lebih jika tidak maka solat tersebut adalah solat tunai.

Maka disimpulkan bahawa perbezaan solat qadā’ dan adā’ ialah qadā’ adalah solat yang dilakukan di luar waktu atau solat yang dilakukan dalam waktunya akan tetapi kurang dari satu rakaat di dalam satu-satu waktu solat. Manakala adā’ membawa pengertian solat yang dilakukan di dalam waktunya sekurang-kurangnya satu rakaat atau lebih.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan bagi mendapatkan data yang berkaitan pengurusan solat bagi wanita ḥayḍ setelah darah tersebut datang dan berhenti pada waktu tertentu. Bahan yang dirujuk bagi menjalankan kajian ini adalah kitab ulama Shāfi‘īyyah seperti al-Umm karangan Imam Shāfi‘ī, Rauḍah al-Ṭalibīn karangan Imam al-Nawawī, artikel, jurnal, fatwa Mufti Wilayah Persekutuan dan berita. Selain daripada ini, laman sesawang yang

² Mālik ibn Anas ibn Mālik. t.t. *al-Muwatta’*. Kitāb al-Ṣalāt, Bab Wuqūṭ al-Ṣalāt. Hadis nombor 5.

berkaitan juga telah dirujuk bagi mendapatkan maklumat untuk kajian ini. Untuk mencari bahan yang berkaitan, beberapa kata kunci utama berserta dengan perkataan sama erti dan perkataan berkaitan telah digunakan seperti ḥayḍ, nifās, istihādah, fiqh ṭahārah, waktu solat, solat, tunai dan qaḍā'. Manakala untuk mencari bahan rujukan yang berkaitan, pengkalan data Google Scholar telah digunakan. Penulis juga memperolehi bahan rujukan berbentuk cetakan seperti daripada perpustakaan. Untuk menentukan sama ada bahan rujukan yang dipilih itu berkaitan atau pun tidak, bab solat dan ṭahārah dalam bahan rujukan tersebut telah disemak bagi memastikan ianya relevan dengan kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan sejumlah 30 bahan rujukan yang terdiri daripada sumber sekunder dan juga primer.

Pendalilan Tentang Kewajipan Solat Tunai dan Qada' Bagi Wanita Ḥayḍ

Dalil Keadaan Wajib dan Haram Solat bagi Wanita

Allah taala berfirman di dalam al-Quran (al-Baqarah: 43):

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya: “Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjamaah) bersama-sama orang yang rukuk”.

Ayat di atas mengandungi perintah untuk mendirikan solat. Setiap muslim yang memenuhi syarat termasuk wanita wajib menunaikan solat yang difardhukan dalam waktu-waktunya dan berdosa jika meninggalkan solat dengan sengaja atau tiada keuzuran yang dibolehkan syarak. Menurut pendapat *jumhūr fuqahā'*, seseorang yang meninggalkan solat fardhu sama ada sengaja atau tidak maka wajib untuk dia menggantikan solat tersebut. Ia merangkumi solat fardhu yang ditinggalkan dengan kecuaiian seperti malas serta sibuk dengan urusan-urusan lain dan solat yang ditinggalkan disebabkan uzur syarie seperti tertidur dan terlupa sebagaimana hadis Anas bin Mālik bahawa Nabi Ṣallallāh ‘alayh wasallam bersabda:

من نسي صلاة فليصلها إذا ذكرها لا كفارة لها إلا ذلك³

Maksudnya: “Barangsiapa lupa untuk melaksanakan solat maka hendaklah dia solat setelah dia ingat dan tiada kaffarah jika meninggalkan solat (sebab lupa) melainkan selain daripada itu”.

Di sisi syarak terdapat keuzuran bagi wanita yang mana gugur kewajipan solat kerana terdapat *Māni'* (penghalang) yang menghalang mereka daripada menunaikan solat seperti ḥayḍ dan juga nifās. Wanita yang ḥayḍ ditegah dan haram melaksanakan solat seperti sabdaan Nabi Ṣallallāh ‘alayh wasallam:

إِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةَ فَدَعِيَ الصَّلَاةَ⁴

Maksudnya: “Apabila datang ḥayḍ maka tinggalkanlah kamu solat”

Hadis Nabi Ṣallallāh ‘alayh wasallam di atas adalah dalil gugur kewajipan solat

³ Muslim ibn al-Hajjāj ibn Muslim. t.t. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitab al-Masājīd wa Mawādī' al-Salāt, Bāb Qadā' al-Salāt al-Fā'itah wa Istihbāb Ta'jīl Qadāiha. Hadis nombor 1100.

⁴ Abū Dawūd, Sulaymān ibn Ash'ath. t.t. *Sunan Abī Dawūd*. Hadith nombor 282.

dan juga berdasarkan kepada sabda Rasulullah ﷺ ‘alayh wasallam ketika mana Rasulullah ﷺ ‘alayh wasallam berkata kepada Fāṭimah bintu Abi Hubayshah:

إِذَا كَانَ دَمُ الْحَيْضَةِ فَإِنَّهُ دَمٌ أَسْوَدٌ يُعْرَفُ فَإِذَا كَانَ ذَلِكَ فَأَمْسِكِي عَنِ الصَّلَاةِ فَإِذَا كَانَ الْآخِرُ فَتَوَضَّئِي
وَصَلِّي فَإِنَّمَا هُوَ عِرْقٌ⁵

Maksudnya: “Jika darah ḥayḍ, maka sesungguhnya ia adalah darah berwarna hitam yang dikenali. Jika ia bersifat demikian janganlah bersolat dan jika selainnya berwujudlah dan dirikan solat kerana darah itu ialah darah penyakit.”

Juga hadis daripada ‘Āishah Raḍiyallāhu ‘anha bahawa beliau berkata:

كنا نحيض عند رسول الله صلى الله عليه وسلم فلا نقضي ولا نומר بالقضاء⁶

Maksudnya: “Kami pernah didatangi ḥayḍ sewaktu hidup bersama Rasulullah ﷺ ‘alayh wasallam tetapi kami tidak pernah qaḍā’ dan kami tidak disuruh untuk qaḍā’”.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2019) menjelaskan bahawa orang perempuan yang kedatangan ḥayḍ dan juga nifās tidak wajib solat dan tidak wajib mengqaḍā’kannya setelah suci. Bahkan menurut pejabat mufti, makruh yang tiada pahala bagi wanita yang mengqaḍā’kan solat mereka atas sebab ḥayḍ kerana bertentangan dengan sunnah. Sepanjang tempoh wanita didatangi darah ḥayḍ, mereka tidak perlu qaḍā’ solat yang ditinggalkan dan jika mereka melakukan qaḍā’ maka perkara itu adalah bid’ah dan kemungkaran. (Kamil Musa 1987). Syeikh Nuruddin telah menukulkan ijma’ iaitu kesepakatan Imam-Imam Madhhab bahawa tiada khilaf dikalangan empat Madhhab dan selainnya bahawa wanita ḥayḍ tidak perlu qaḍā’ solat apabila suci daripada ḥayḍ. (Nuruddin 2003).

Menurut Zayyid Nawāf (2006) ulama telah bersepakat tentang keharaman bagi wanita melaksanakan solat fardhu dan sunat sepanjang tempoh ḥayḍ serta mereka tidak perlu ganti solat tersebut apabila ḥayḍ berhenti. Dalil keharaman melaksanakan solat ketika ḥayḍ adalah jelas daripada Rasulullah ﷺ ‘alayh wasallam dan solat yang ditinggalkan itu tidak perlu diganti seperti yang dinyatakan oleh Nor Hana (1996) dan al-Jibālī (t.t):

“Muslim women are asked to refrain from praying during ḥayḍ or nifās. However, she is not required to repay the prayers missed during ḥayḍ or nifās.”

Maksudnya: “Wanita dilarang daripada melaksanakan solat ketika dalam keadaan ḥayḍ atau nifās. Walaubagaimanapun, dia tidak disuruh untuk menggantikan solat-solat yang ditinggalkan ketika ḥayḍ atau nifās.”

⁵ Abū Dawūd, Sulaymān ibn Ash’ath. t.t. *Sunan Abī Dawūd*. Hadith nombor 304.

⁶ Al-Nasā’i, Ahmad bin Shu’ayb. t.t. *Sunan al-Nasā’i*. Kitab al- Ḥayḍ wa al-Istihādah, Bāb Suqūt al-Salāt ‘an al-Ḥayḍ. Hadis nombor 382.

A woman is not required to make up the prayers she missed during her menses. Aishah radiallahu anha said: when we were menstruated during the time of Allah's messenger solollahu alaihi wasallam we were recommended (by him) to make up the fast but not the prayers.

Maksudnya: “Seorang wanita itu tidak perlu untuk menggantikan solat-solat yang ditinggalkan ketika hayd. ‘Aishah Raḍiyallāhu ‘anha berkata bahawa ketika kami dalam keadaan hayd masa zaman Rasulullah Ṣallallāh ‘alayh wasallam kami diperintahkan oleh baginda untuk menggantikan puasa tetapi tidak menggantikan solat”.

Semua dalil-dalil yang dikemukakan di atas jelas tentang waktu bila seseorang wanita itu wajib solat dan tidak wajib solat sebagai panduan buat mereka dalam menguruskan ibadah solat yang kebiasaannya saban bulan mereka mereka akan didatangi darah hayd.

Dalil dan Kaedah Ṭurū’ al-Māni’ (Kedatangan Hayd)

Bagi wanita yang dalam keadaan suci ketika masuk waktu solat namun kemudian dia didatangi hayd terdapat perincian. Jika tempoh antara masuknya waktu dan kedatangan hayd tersebut memungkinkan untuk dia melakukan solat maka dia wajib menggantikan semula solat tersebut setelah dia suci. Namun jika tempohnya tidak memungkinkan mereka menunaikan solat maka dia tidak perlu mengqadā’kannya. Hal ini seperti dijelaskan oleh al-Nawawī (1991):

إذا أدركت من أول الوقت قدر الإمكان ثم حاضت أنه يلزمها القضاء

Maksudnya: “Jika seorang wanita mendapati ketika awal waktu tempoh yang memungkinkan dia untuk melaksanakan solat kemudian dia kedatangan hayd maka wajib untuk dia mengqadā’kan solat tersebut.”

Dalam Madhhab Shāfi‘ī apabila sudah masuk waktu solat yang mana wajib ke atas orang yang wajib melaksanakan solat, dia laksanakan solat, kemudian apabila datang penghalang yang menghalang solat seperti hayd, gila dan seumpama maka hukumnya adalah jika penghalang tersebut datang dan sebelumnya berlalu tempoh kadar satu solat fardhu maka hendaklah dia qadā’. Jika tidak berlalu satu kadar tempoh satu solat fardhu maka mereka tidak perlu qadā’. (Hasan 2003). Permasalahan ini telah disebut di dalam kitab-kitab Shāfi‘iyyah seperti kitab *Syarḥ al-Muqaddimah al-Haḍramiyyah* di mana penulis telah menyebut bahawa jika penghalang datang seperti hayd dan gila pada awal waktu atau pertengahan waktu wajib qadā’ solat selepas penghalang hilang jika kadar waktu tersebut cukup untuk solat kerana dia telah pun berada dalam waktu solat sedang dia masih belum solat (Sa‘īd 2004).

Sheikh Nuruddin yang terkenal dengan ilmunya sehingga diberi gelaran al-Azhar al-Thānī juga telah menyebut di dalam kitab beliau bahawa wanita yang datang hayd selepas masuk waktu solat kadar yang sempat dia laksanakan solat tersebut hendaklah qadā’ solat tersebut. Jika dia tidak melaksanakan qadā’ solat tersebut apabila suci dan bersambungan sehinggalah ke awal waktu dan berpanjangan (masih belum ganti solat) kemudian dia didatangi hayd ketika dia solat maka wajib untuk dia qadā’ juga sebab dia berkemampuan untuk laksanakannya secara tunai sebelum kedatangan hayd. Adapun jika dia tak sempat daripada kadar waktu solat fardhu maka tidak wajib untuk dia qadā’. Tambahan beliau lagi, pendapat ini yang paling sahih di sisi Madhhab Shāfi‘ī. Selain itu juga ‘Abd al-

Rahmān (2003) menyebut bahawa apabila wanita didatangi ḥayḍ atau nifās pada awal waktu atau tengah waktu maka wajib qaḍā' solat tersebut selepas penghalang berhenti dengan syarat sebelum datang penghalang tersebut ada tempoh waktu yang memungkinkan dia melaksanakan solat.

Dalil dan Kaedah Zawāl al-Māni' (ḥayḍ berhenti)

Dalam kitab at-Taqrīrāt al-Sadīdah (2003) dinyatakan bahawa apabila masuk waktu solat, seseorang yang tidak wajib solat iaitu sebab disebabkan ḥayḍ, gila dan seumpama keduanya maka mereka tidak solat tetapi setelah penghalang ini hilang jadi keadaan dilihat. Jika sekiranya penghalang hilang dan waktu yang tinggal adalah kadar takbiratul ihram atau lebih maka wajib qaḍā' solat tersebut. Begitu juga jika solat sebelumnya dijamakkan ada dua keadaan iaitu:

- i. Penghalang hilang waktu Asar maka wajib untuk dia laksanakan solat Asar secara tunai dan Solat Zohor secara qaḍā'.
- ii. Penghalang hilang waktu Solat Isyak maka wajib untuk laksanakan solat Isyak secara tunai dan Solat Maghrib secara qaḍā'.

Kenyataan di atas bertepatan seperti yang disebut oleh al-Shāfi'ī (1983) dalam *al-Umm* bahawa apabila wanita suci daripada ḥayḍ dalam waktu solat maka wajib untuk dia mengerjakan solat tersebut. Setelah mana wanita dapati darah sudah berhenti iaitu suci maka hendaklah dia mandi wajib untuk menunaikan solat fardhu.

Adapun jika sekiranya berbaki pada waktu kadar takbiratul ihram dan lebih yang tidak sampai kadar satu rakaat maka terdapat dua pendapat menurut al-Nawawī dalam *al-Majmū'*. Kata beliau lagi (al-Majmū' t.th) bahawa pendapat yang paling sahih dengan sepakat al-Aṣḥāb, wajib ke atasnya solat tersebut kerana dia sempat mendapat satu bahagian daripadanya sama seperti hukum sempat mendapat solat Jumaat. Begitu juga di dalam kitab *al-Minhāj*, al-Nawawī (2005) berkata yang terjemahannya:

“Jika hilang sebab ḥayḍ ini dan baki waktu tinggal kadar takbiratul ihram maka wajib untuk solat tersebut secara qaḍā'”.

Di dalam kitab *al-Ibānah wa al-Ifādah* pada bab hukum Ḥayḍ, Nifās dan Istihādah berdasarkan kepada Madhhab Shāfi'ī, 'Abd al-Rahmān (2003) menyebut yang terjemahannya:

“Apabila wanita ḥayḍ dan nifās suci sebelum keluar waktu walaupun dengan kadar memenuhi takbiratul ihram atau lebih maka wajib qaḍā' solat tersebut dan wajib juga qaḍā' solat sebelumnya jika dijamakkan seperti Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak”.

Tambahan daripada permasalahan ini, Jalāl al-Dīn (2013) menyebut bahawa solat tersebut perlu digantikan kerana dia dikira telah memperolehi sebahagian solat sebab penghalang hilang dengan bakinya kadar takbiratul ihram. Tambah beliau lagi, wajib juga untuk dia qaḍā' Zohor kerana telah mendapat sebahagian daripada solat Asar dengan kadar takbiratul ihram begitu juga solat isyak kerana telah mendapat satu bahagian daripada Maghrib dengan kadar tersebut. Adapun menurut al-Jibālī (t.t), Ibn Ḥazm tidak bersetuju dengan isu ini. Menurut beliau wanita tidak perlu qaḍā' solat tersebut sebab dia tidak berdosa kerana meninggalkannya sama seperti situasi kalau dia mati sebelum sempat menunaikannya. Namun menurut beliau, pendapat yang lebih selamat adalah yang

disebut oleh kebanyakan para ulama.

Pengurusan Solat Qada' dan Tunai bagi Wanita Ḥayḍ

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, terdapat keterangan dan penjelasan waktu di sisi Madhhab Shāfi'ī untuk seseorang wanita menggantikan solat atau tidak ketika mana ḥayḍ datang dan berhenti. Jadual 1 adalah ringkasan daripada penjelasan mengenai ḥayḍ datang dalam waktu solat beserta catatan penting dan solat yang wajib diganti atau tidak.

Jadual 1: Permulaan Ḥayḍ Bermula Pada Waktu Solat

Catatan Penting	Waktu Datang Ḥayḍ	Solat yang Wajib Qada'
Sekiranya seorang wanita belum menunaikan solat dalam waktu-waktu solat dan dia didatangi ḥayḍ	Subuh	Subuh
	Zohor	Zohor
	Asar	Asar sahaja ganti. Tidak perlu ganti Zohor kerana Zohor dia sudah pun solat
	Maghrib	Maghrib
	Isyak	Isyak sahaja ganti. Tidak perlu ganti Maghrib kerana Maghrib dia sudah pun solat

Sebagai contoh, wanita didatangi ḥayḍ sedangkan tempoh tersebut membolehkan dia melaksanakan solat seperti contoh Fatimah melihat darah ḥayḍ pada pukul 2 petang dan dia masih belum solat. Terdapat tempoh untuk dia laksanakan solat ketika masih suci. Maka dia wajib ganti solat Zohor apabila dia suci daripada ḥayḍ. Begitu juga dengan solat pada waktu-waktu yang lain jika sebelumnya terdapat tempoh yang memungkin solat tersebut.

Adapun keterangan berikutnya Jadual 2 adalah mengenai darah berhenti dalam waktu solat beserta catatan penting dan solat yang perlu diganti atau tidak.

Jadual 2: Ḥayḍ Berhenti Pada Waktu Solat

Catatan Penting	Waktu Ḥayḍ Berhenti	Perkara yang wajib dilakukan
Masih dalam waktu Isyak	Kadar Takbiratul Ihram sebelum masuk waktu Subuh	- Wajib ghusl (mandi wajib) untuk solat Subuh - Wajib qada' solat Isyak dan solat Maghrib
-	Subuh	- Wajib ghusl dan solat Subuh seperti biasa
Tiada waktu solat fardhu	Selepas berakhir Subuh dan sebelum Zohor	- Tidak wajib segera ghusl - Tidak qada' Subuh - Wajib Ghusl apabila hendak Solat
-	Zohor	- Wajib ghusl dan solat Zohor seperti biasa

	Asar	- Wajib ghusl dan solat Asar seperti biasa
Masih dalam waktu Asar	Kadar Takbiratul Ihram sebelum masuk waktu Maghrib	- Wajib ghusl (mandi wajib) apabila hendak solat Maghrib - Wajib solat Isyak dan qada' solat Maghrib
-	Maghrib	- Wajib ghusl dan solat Maghrib seperti biasa
-	Isyak	- Wajib ghusl dan solat Isyak seperti biasa

Sebagai contoh, wanita dapati ḥayḍnya berhenti pada kadar takbiratul ihram seperti Fatimah dapati darahnya berhenti pada pukul 5.59 pagi dan Subuh pukul 6 pagi. Satu minit sempat kadar takbiratul ihram. Maka wajib untuk dia qada' solat solat Isyak dan solat sebelumnya yang dijamakkan iaitu Maghrib.

Perbincangan Isu Qada' Solat bagi Wanita Ḥayḍ

Beberapa isu dari perbincangan mengenai pengurusan solat wanita ḥayḍ dapat dinyatakan seperti berikut:

- i. Apabila wanita didatangi ḥayḍ hampir masuk waktu Asar dan dia belum solat Zohor, apabila dia suci daripada ḥayḍ, maka hendaklah dia qada' solat Asar tersebut di sisi jumhūr ulama kerana kewajipan solat telah pun thabit ke atas hak dia selama mana dia suci (sebelum kedatangan ḥayḍ) dengan kadar satu rakaat. Apabila wanita suci daripada ḥayḍ dan nifās sebelum berakhir waktu solat yang fardhu, wajib dia qada' solat tersebut dan solat yang dijamakkan sebelumnya. Maka jika wanita suci sebelum terbenam matahari hendaklah dia qada' solat Asar dan juga Zohor dan jika wanita tersebut suci sebelum terbit matahari wajib dia qada' Isyak dan juga Maghrib dan jika dia suci sebelum terbit matahari wajib dia solat Subuh.
- ii. Wanita tersebut suci pada waktu yang dia hanya sempat untuk ucap takbiratul ihram atau kurang daripada satu rakaat seperti dia suci sebelum terbit matahari dan waktu hanya tinggal sekadar ucapan Allāhu Akbar maka ada dua pendapat:
 - a. Pendapat paling sahih ialah wajib ke atas dia untuk qada' solat subuh kerana dia telah mendapatkan satu juzuk daripada waktu, begitu juga jika sekiranya dia sempat juzuk tersebut daripada solat yang boleh dijamakkan (dihimpunkan) maka wajib juga untuk dia qada' solat yang sebelumnya, seperti Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak. Ini adalah pendapat tujuh orang fuqahā' Madinah, Aḥmad ibn Ḥanbal dan selain mereka.
 - b. Pendapat kedua ialah seperti yang disebut al-Jibālī (t.t.):

“ Others say she should only pray Asr. The same applies if her menses ends during isha' time: some say she should pray both Maghrib and Isha' while others say she should only pray Isha' ”.

Maksudnya: “.Sebahagian ulama lain menyatakan dia hanya qada' Asar sahaja. Perkara sama juga terpakai juga jika ḥayḍ berhenti pada waktu Isyak. Ada sebahagian kata hendaklah dia qada' kedua-dua Maghrib dan Isyak.

- iii. Adapun persoalan yang timbul tentang adakah berdosa keadaan wanita yang belum sempat solat sedangkan sudah masuk tetapi dia telah didatangi ḥayḍ. Mūsā (2003)

menyebut mengenai pendapat ulama terhadap perkara ini, jika seseorang solat satu rakaat daripada waktu maka pendapat yang tepat bahawa solat tersebut adalah solat adā' iaitu tunai. Ada pendapat yang mengatakan bahawa solat itu jatuh solat qadā'. Sebahagian pula kata selagi mana dalam waktu adalah tunai dan diluar waktu adalah qadā'. Pendapat yang paling tepat adalah yang pertama. Keadaan wanita masih belum menunaikan solat sebab kedatangan hayḍ sedangkan sudah masuk waktu solat tidaklah menjadi satu dosa ini kerana tidak wajib untuk seseorang itu bergegas melaksanakan solat. Bahkan ulama mengatakan bahawa seseorang itu boleh melewati solat daripada awal waktu dengan syarat dia berazam untuk melakukannya selagi mana tiada sangkaan bagi dia akan ada penghalang yang menghalang daripada solat seperti kematian, terbunuh atau hayḍ. Al-Hafnāwī (t.t.) mengatakan dalam kitabnya harus untuk melewati solat ke akhir waktu tanpa khilaf yang mana semuanya dilaksanakan dalam waktunya.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, diringkaskan bahawa pendapat yang sahih di sisi Madhhab Shāfi'ī ialah wanita yang mana hayḍnya datang dalam waktu solat sedangkan dia masih belum solat, maka jika tempoh sebelum kedatangan hayḍ cukup untuk dia melaksanakan solat, maka apabila suci dia wajib qadā' solat tersebut. Bagi wanita yang hayḍnya berakhir pada waktu sebelum masuk Subuh dengan kadar takbiratul ihram maka wajib untuk dia qadā' Solat Isyak dan juga solat sebelumnya yang dijamakkan iaitu Maghrib. Adapun jika hayḍnya berhenti pada waktu Subuh, dia tidak perlu qadā' Isyak kerana waktu sebelumnya adalah masih dalam hayḍ. Manakala jika hayḍ berhenti pada waktu sebelum Maghrib dengan kadar takbiratul ihram sebelum masuk waktu Maghrib, maka wajib untuk dia qadā' solat Asar dan solat sebelumnya yang boleh dijamakkan iaitu Zohor. Semoga dengan penjelasan yang ringkas daripada penulisan ini dapat memberikan manfaat yang besar buat umat khususnya bagi para wanita dalam menguruskan solat mereka apabila kedatangan hayḍ atau ketika berhenti hayḍ.

Rujukan

- Al-Quran
- ‘Abd al-Raḥmān ibn ‘Abd Allāh. 2003. *Al-Ibānah wa-al-Isfādah fī Ahkām al-Ḥayḍ wa-al-Nifās wa-al-Istihādah ala Madhhab al-Imam as-Shāfi'ī*, Cetakan 03. t.tp.
- ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Muḥsin. 1997. *Al-Iqnā li Tālib al-Intifā'*, Cetakan 01, Juzuk 1, Gaza: Bidār Hijr
- ‘Umar Mukhtār, 2019. *Irshād al-Fatāwa*, Enggan Solat kerana Kerja Berat. t.tp.
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘il. t.t. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.
- Abū ‘Abd Allāh ibn Idrīs, 1983. *Al-Umm li as-Shāfi'ī*, Cetakan 02. Dār al-Fikr
- Abū Dawūd, Sulaymān ibn Ash‘ath. t.t. *Sunan Abī Dawūd*. t.tp.
- Abū Mālik Kamāl, 2007. *Panduan Beribadah Khusus Menjalankan Ibadah Sesuai Tuntunan al-Quran dan as-Sunnah*, Cetakan 01. Jakarta: Al-Mahira
- al-Fayyūmi, Aḥmad ibn Muḥammad. 2010. *Al-Misbāh al-Munir fī as-Syarhi al-Kabir*, Juzuk 01. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah
- Al-Buhūti, Mansūr ibn Yūnus, 1999. *Ar-Raud al-Murabba' bi Syarhi Zād al-Mustaḥfi' fī Fiqh Imām as-Sunnah Aḥmad ibn Hanbal as-Syaibāni*, Cetakan 02. Syria: Dār al-Bayān
- al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘il. t.t. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. t.tp.
- al-Fairūz Abādi, Majdī al-Dīn Muḥammad ibn Ya‘kūb. 1978. *Al-Qāmus al-Muḥith*, Juzuk 4. Dār al-Fikr
- al-Jibālī, Muḥammad Mustafā. t.th. *Regulations of Worship During Menses*, Cetakan 01. Beirut: al-Kitāb al-Sunnah Publishing
- al-Misri, Mahmūd, 2007. *Fatāwa al-Nas*, Cetakan 01, Jilid 01. Kaherah: Maktabah al-Safā al-

Shāfi‘ī

- Al-Nasā‘ī, Ahmad bin Shu‘ayb. t.t. *Sunan al-Nasā‘ī*. t.tp.
- al-Nawawi, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yahyā ibn Sharaf. 2002. *Raudhah at-Tolibin*. Cetakan 01. Beirut: Dār Ibn Hazm
- al-Nawawi, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yahyā ibn Sharaf. 2006. *Minhāj at-Tolibin wa Umdatul Muftin*, Cetakan 01. Beirut: Dār al-Minhāj
- al-Nawawi, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yahyā ibn Sharaf. t.th. *al-Majmū‘ Syarh Muhazzab*. Cetakan 01, Juzuk 3. Jeddah: Maktabah al- Irshād
- Ḥasan ibn Muḥammad, 2003. *At-Taqrirāt as-Sadidah fī al-Masāil al-Mufidah*, Cetakan 01, Juzuk 01. al-Madinah al-Munawwarah: Dār al-Mirāth al-Nubuwwah
- Ibn al-Manzūr, Jamal al-Dīn Muḥammad ibn Mukarram. 1999. *Lisān al-Arab*, Cetakan 03, Beirut: Juzuk 1, Cetakan 03. Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi
- Jalāl al-Dīn Muḥammad, 2013. *Kanz al-Rāghibin Syarh Minhāj at-Tolibin* , Cetakan 02, Jilid 01. Beirut: Dār al-Minhāj
- Kamil Musā, 1987. *al Ḥayḍ wa Ahkāmuhu as-Syar’iyyah*, Cetakan 05. Muassasāt al-Risālah.
- Mālik ibn Anas ibn Mālik. t.t. *al-Muwatta’*. Kitāb al-Ṣalāt.
- Muḥammad Nuruddin, 2003. *al-Ihāthah bi Ahammi Masāil Ḥayḍ wa al-Nifās wa al-Istihādah-Silsilah Rasāil Ahkām*, Cetakan 06. Kaherah: Dār al-Amān.
- Muḥammad Rawwās Qol’aji, 1985. *Mu’jam Lughat al-Fuqahā’ - Arab – English*, Cetakan 01. Beirut: Dār al-Nafāis
- Muḥammad, Sa‘īd, 2004. *Syarh al-Muqaddimah al-Hadramiyyah al-Musammā as-Syarh al-Karim bi Syarhi Masāil at-Taklim*, Cetakan 01. Jeddah: Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzi‘
- Mūsā ibn Aḥmad, 1999. *al Iqnā’ Li talabil Intifa’*, Juzuk 1. Arab Saudi: Dār A‘lām al-Kutub
- Muslim ibn al-Hajjāj ibn Muslim. t.t. *Ṣahīh Muslim*. t.tp.
- Mustafā al-Khin, et.al, 1996. *Al fiqh al-Manhaji ala Mazāhib al-Imām as-Shāfi‘ī*, Juzuk 1. Dimasyq: Dār al-Qalam
- Nor Hana Ibrahim, et.al. 1996. *Womes’s Fiqh*. Jordan: al-Durar Booksellers
- Sa’di Abū Habib, 1982. *Al-Qāmus al Fiqhi Lughatan wa Istilāhan*, Cetakan 01. Dimasyq: Dār al-Fikr
- Yaḳīn Bakharuddin, 2020, *al-Kāfi li al-Fatawa*, 2020, Adakah Cecair Kekuningan Dianggap Haid, Siri 1591. t.tp.
- Zayid Nawāf, 2006. *Athār al-Mustajiddāt at-Tayyibah fī Bāb at-Tahārah*. Amman: Dār al-Nafāis.